

23/01/1997

Tubuh kelab penerbangan

GURUN, Rabu - Kerajaan Kedah akan menubuhkan kelab penerbangan di sekolah menengah di negeri ini, bagi memupuk minat pelajar di bidang aeroangkasa.

Difahamkan negeri ini adalah yang pertama di negara ini yang mengemukakan cadangan untuk melaksanakan program berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Beh Heng Seong, berkata langkah itu selaras dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memajukan bidang aeroangkasa di Malaysia.

"Kerajaan negeri berpendapat bagi menjayakan cita-cita Perdana Menteri, minat di bidang `aerospace' perlu dipupuk di bangku sekolah lagi.

"Oleh itu, kerajaan negeri berpendapat kelab penerbangan perlu diwujudkan di sekolah bagi membolehkan pelajar yang berminat mempelajari pelbagai ilmu di bidang berkenaan," katanya kepada pemberita di sini, petang semalam.

Sebelum itu, beliau menyampaikan bantuan kepada penduduk miskin di mukim ini sempena perayaan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina.

Beh berkata, selepas penubuhan kelab itu dilakukan, kerajaan negeri akan menggalakkan pelbagai pertandingan seperti mengendalikan kapalterbang yang menggunakan `remote control', di adakan antara sekolah.

"Bagi memeriahkan acara itu kita berusaha mendapatkan bantuan sektor swasta bagi memberikan sumbangan untuk membiayai pertandingan itu," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga bercadang membina pangkalan di pekan utama di negeri ini bagi membolehkan kapalterbang kecil mendarat.

Antara kawasan yang dikenal pasti sesuai bagi tujuan itu ialah Sungai Petani, Kulim dan Kuala Ketil.

"Dengan adanya kawasan pendaratan itu, ia akan memberi galakan kepada ahli kelab penerbangan dewasa membuat penerbangan dengan pesawat ringan," katanya.

(END)